

21/10/2002

Guru berelektronik tahun depan

KE ARAH memantapkan sistem pendidikan negara, kerajaan membuat perancangan strategik menyediakan kaedah termaju kepada tenaga pengajarnya melalui penyediaan kemudahan teknologi komunikasi dan maklumat (ICT).

Memandangkan konsep pendidikan berasaskan ICT kini menjadi modul paling terbaik untuk meningkatkan tahap pendidikan negara dan seterusnya menaikkan martabat guru di negara ini, kerajaan menyediakan kemudahan penggunaan laptop.

Gambar menunjukkan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dengan dibantu oleh Nabila Abdul Salam, cuba menggunakan laptop yang bakal digunakan oleh guru Bahasa Inggeris di sekolah rendah seluruh negara tahun depan.

Kelihatan bersama ialah Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dan Presiden Gabungan Ikatan Persatuan Cina Malaysia, Liew Pook Siak (kiri).

Dalam perkembangan lain, selari dengan senario ke arah mewujudkan guru berelektronik, Kementerian Pendidikan dikatakan akan membekalkan sebanyak 47,000 laptop membabitkan kos sebanyak RM235 juta. Kemudahan ini untuk guru Sains dan Matematik.

Jumlah bekalan laptop itu dipertingkatkan kepada 15,000 unit daripada sasaran awal sebelum ini, iaitu sebanyak 32,000 unit.

Penambahan jumlah laptop ini dikatakan untuk memastikan semua sekolah, terutama di kawasan luar bandar, dapat memanfaatkan kemudahan teknologi itu di samping mempertingkatkan penguasaan pelajar dalam Bahasa Inggeris.